

20 DEC 2003

Abdullah-Galeri

GALERIA SRI PERDANA BUKAN UNTUK MENDEWAKAN TUN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Galeria Sri Perdana diwujudkan bagi memberi peluang kepada rakyat memahami cara kepimpinan cemerlang Perdana Menteri keempat Tun Dr Mahathir Mohamad, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Galeria ini bukan untuk mendewakan Dr Mahathir. Beliau juga tidak mahu didewakan, dia tidak senang jika didewakan, tidak mahu dipuji," katanya.

"Malah semasa memimpin negara beliau tidak mahu bangunan dinamakan atas nama beliau. Beliau berkata cukup kalau dia dikenali sebagai orang yang menolong memajukan negara," kata Perdana Menteri semasa merasmikan galeri itu yang terletak di Jalan Damansara di sini.

Galeri itu diwujudkan di Sri Perdana iaitu kediaman rasmi lama perdana menteri, bertujuan memperingati dan mengenang sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri.

Ia merupakan kediaman rasmi Dr Mahathir sekeluarga dari 23 Ogos 1983 sehingga 18 Ogos 1999 sebelum berpindah ke kediaman rasmi baru Perdana Menteri di Putrajaya.

Abdullah berkata anak-anak Dr Mahathir juga merasa "malu" apabila bapa mereka dipuji.

Beliau berkata apa juga koleksi yang dipamerkan di galeria ini adalah untuk memperingati jasa kepimpinan Dr Mahathir.

"Kejayaan Tun Dr Mahathir perlu diabadikan untuk generasi akan datang dan galeria seperti ini dapat memberi pengajaran kepada kita terutama sekali anak-anak muda, mudah-mudahan kebaikan ini akan menjadi ikutan," katanya.

Beliau berkata, misi, amalan dan dasar baik Dr Mahathir perlu dikekalkan dan sebagai pewaris kepimpinan negara, beliau akan menentukan dasar-dasar itu diteruskan.

"Semuanya akan mengambil masa tetapi kita mesti memastikan negara terus membangun," kata Perdana Menteri.

"Kalau dinding-dinding di galeria ini dapat bercakap banyak kisah pahit manis akan dapat diketahui. Tetapi dinding tidak boleh bercakap dan apa yang dilakukan oleh Arkib Negara (untuk menjadikan Sri Perdana sebagai sebuah galeri) patut disanjung tinggi kerana banyak peristiwa-peristiwa penting, mesyuarat dan lawatan pemimpin-pemimpin luar dapat diabadikan." katanya.

Beliau berkata galeri itu akan dapat memberitahu rakyat apa yang telah berlaku dalam 16 tahun Dr Mahathir (tinggal di Sri Perdana Kuala Lumpur) menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata Malaysia bangga dengan kepimpinan Dr Mahathir yang bukan sahaja dapat memajukan negara tetapi juga mendapat sokongan penuh rakyat.

"Pemimpin-pemimpin dahulu dipilih secara demokrasi dan mereka memegang amanah rakyat. Mereka dipilih oleh rakyat dan mereka bukan diktator. Mereka membawa hasrat rakyat untuk memajukan negara dan memakmurkan bangsa", tambahnya.

Galeri itu dibuka setiap hari, kecuali Isnin, dari pukul 10 pagi hingga 5 petang. Ia juga dibuka pada cuti umum dan sepanjang cuti sekolah.

-- BERNAMA

SR NER MOZ